

# IMPAK GLOBALISASI MEDIA TERHADAP KESEPADUAN SOSIAL DALAM KALANGAN BELIA DI MALAYSIA

## THE IMPACT OF MEDIA GLOBALIZATION ON SOCIAL COHESION AMONG YOUTH IN MALAYSIA

Yasmin Yacob<sup>1</sup>  
Ireena Nasiha Ibnu<sup>2</sup>  
Ribka Alan<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Kemanusiaan, Pengurusan dan Sains, Universiti Putra Malaysia Malaysia (UPM), Malaysia, (E-mail: yasmin\_y@upm.edu.my)

<sup>2</sup>Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi Mara, Shah Alam (UiTM), Malaysia, (Email: ireena@uitm.edu.my)

<sup>3</sup>Fakulti Kemanusiaan, Pengurusan dan Sains, Universiti Putra Malaysia Malaysia (UPM), Malaysia, (E-mail: ribka@upm.edu.my)

### Article history

**Received date** : 15-9-2023  
**Revised date** : 16-9-2023  
**Accepted date** : 11-12-2023  
**Published date** : 24-12-2023

### To cite this document:

Yacob, Y., Ibnu, I. N., & Alan, R. (2023). Impak globalisasi media terhadap kesepaduan sosial dalam kalangan belia di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (59), 228 – 244.

**Abstrak:** *Keharmonian dan kesejahteraan merupakan intipati utama dalam membentuk masyarakat. Dalam menghadapi cabaran memupuk perpaduan Belia Malaysia telah menikmati persekitaran yang kaya media di tahap yang sangat baik. Kemampuan memiliki teknologi hiburan semakin meningkat dan kadar penggunaan internet di kalangan belia juga berada di tahap yang tinggi. Era Globalisasi kini, generasi belia kini semakin menyerap budaya dunia virtual. Kesepaduan sosial adalah intipati penting dalam mengukuhkan peranan belia di Malaysia. Media merupakan tapak integrasi dalam mencapai kesepaduan. Pengisian media dan komunikasi adalah elemen dalam mengukur keberhasilan kesepaduan. Kajian ini bertujuan memberi penerangan dan penjelasan tentang penggunaan media sebagai tapak integrasi dan peranan belia dalam membentuk kesepaduan sosial. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui pemerhatian tidak turut serta dan kumpulan perbincangan berfokus (FGD) dengan melibatkan 22 orang pemimpin belia di Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui pemerhatian tidak turut serta dan kumpulan perbincangan berfokus melibatkan 22 orang belia dan pemimpin belia di Malaysia. Analisa dapatan kajian mendapati media merupakan agen perubahan dan platform terbaik kepada belia untuk berkongsi mengenai kepentingan kesepaduan sosial. Kepesatan perkembangan teknologi dalam media massa turut memberi kesan kepada perilaku individu dan masyarakat. Keprihatinan dan nilai-nilai murni dalam pelaksanaan aktiviti telah membentuk aspek positif dalam tingkah laku belia. Oleh itu, penggunaan media ke arah perkara yang memberi manfaat boleh dijadikan sebagai indikator dalam membentuk kesepaduan sosial khususnya dalam kalangan masyarakat Malaysia.*

**Kata kunci:** *Belia, Globalisasi, Media, Kesepaduan Sosial, Impak*

**Abstract:** *Malaysian youth have enjoyed a media-rich environment at the best level. The ability to have entertainment technology is increasing and the rate of internet use among youth is also at a high level. In today's era of Globalization, the youth generation is now increasingly absorbing the culture of the virtual world. Social cohesion is an important essence in strengthening the role of youth in Malaysia. Media is a site of integration in achieving unity. Filling the media and communication is an element in measuring the success of integration. This study aims to provide information and explanations about the use of media as a site of integration and the role of youth in forming social cohesion. This study uses a qualitative approach through non-participant observation and focused discussion groups involving 22 youth and youth leaders in Malaysia. Analysis of the findings of the study found that the media is an agent of change and the best platform for youth to share about the importance of social cohesion. The rapid development of technology in the mass media also affects the behaviour of individuals and society. The concern and moral values in the implementation of activities have formed positive aspects in the behaviour of youth. Therefore, the use of media towards beneficial matters can be used as an indicator in shaping social harmony, especially among the Malaysian society.*

**Keywords:** *Youth, Globalization, Media, Social Cohesion, Impact*

---

### **Pengenalan**

Kemajuan teknologi pada abad moden telah menawarkan kemudahan kemajuan teknologi dan komunikasi yang bersifat global membolehkan belia mempunyai banyak kelebihan untuk mengakses tanpa sempadan. Cabaran belia di Malaysia dalam aspek teknologi melihat kepada kecekapan menggunakan media digital dengan beretika dan bertanggungjawab yang mana pada akhirnya memberi kesan kepada kualiti dan kesejahteraan hidup belia (Indeks Belia Malaysia, 2022). Dengan kecanggihan teknologi pada masa ini, belia di Malaysia sebagai penerima manfaat yang menghadapi cabaran globalisasi media yang telah menyebabkan berlaku penyebaran maklumat yang sangat cepat dan meluas di seluruh dunia. Ia juga telah mengubah cara belia berinteraksi, berkomunikasi dan mendapatkan maklumat terutamanya akses kepada informasi. Ini merangkumi berbagai perkembangan dalam medium komunikasi yang membolehkan pertukaran maklumat dalam waktu nyata di seluruh dunia. Golongan belia pada masa ini banyak bergantung kepada media massa untuk mendapatkan informasi terutamanya dengan perkembangan media baru pada masa ini seperti media sosial (Nasliza et al., 2023). Sumber lain seperti radio, televisyen dan media cetak termasuk surat khabar yang sebelum ini menjadi pilihan kepada pembaca untuk mengetahui informasi terkini mengenai berita, hiburan dan pendidikan. Namun begitu, dalam era kemajuan pada masa ini, platform internet dan media sosial menjadi pilihan utama dan memberikan impak dalam kehidupan belia (Scarano-Pereira et al., 2023).

Perkembangan globalisasi yang berlaku dalam kehidupan telah memberi kesan kepada kesepaduan masyarakat. Persepsi, pemikiran dan interaksi dalam kalangan belia serta kesepaduan sosial banyak dipegaruhi oleh media. Ini kerana melalui media telah membolehkan belia meneroka dan memahami budaya lain melalui pelbagai platform yang boleh diakses. Usaha memahami kesepaduan masyarakat yang boleh difahami oleh belia adalah melalui tiga konsep keramat iaitu, perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan. Walaupun berada di era pemodenan yang makin mencabar, perlu difikirkan apakah sebenarnya yang ingin dinikmati oleh setiap lapisan masyarakat di Malaysia khususnya belia? Apakah isu dan cabaran sosial yang sering mengganggu kehidupan belia masa kini? Dalam persekitaran globalisasi, belia di

Malaysia akan berhadapan dengan pelbagai cabaran di masa hadapan. Cabaran ini akan memberikan impak yang besar kepada kesejahteraan diri belia sekiranya tidak diuruskan dengan baik (Dasar Belia Malaysia, 2015). DBM (2015) telah mengenal pasti empat cabaran utama golongan belia. Salah satunya yang diberi penekanan ialah jati diri dan perpaduan belia.

Menurut Shamsul Amri (2014), secara nyatanya, apa yang telah dialami oleh Malaysia selama ini belum lagi mencapai sepenuhnya tahap perpaduan yang diinginkan tetapi lebih kepada kesepaduan sosial. Perkara ini seharusnya difahami oleh golongan belia yang berperanan sebagai agen perubahan. Kesepaduan sosial merujuk kepada kondisi aman, stabil dan sejahtera yang terdapat dalam masyarakat yang terdiri daripada kepelbagaian etnik. Ini terjadi kerana terdapatnya kesepakatan sosial yang telah terbentuk sekian lama sebelum ini (Shamsul Amri, 2013). Di dalam masyarakat kita, setiap individu berpeluang untuk mengembangkan potensi diri dengan optimal dalam lingkungan sosial yang sihat, dengan karakter yang mempunyai ciri-ciri bersatu padu, demokratik, bermoral, bertoleransi, progresif, penyayang, adil dan saksama sesuai dengan Konsep Malaysia Madani pada masa ini. Oleh sebab itu, untuk membentuk dan merangka kesepaduan antara etnik dan kelompok belia, pelaksanaan aktiviti secara kolektif akan memastikan hubungan erat terjalin dengan harmoni meskipun melalui pelbagai cabaran.

Justeru, belia di Malaysia perlu mengambil manfaat daripada globalisasi media untuk memupuk dan menggalakkan perpaduan. Pelbagai platform media sosial misalnya dapat digunakan oleh generasi muda untuk mempromosikan kebudayaan, kesenian dan warisan rakyat Malaysia. Cabaran dalam memupuk perpaduan etnik masyarakat Malaysia melalui inisiatif pembangunan belia menjadi keutamaan yang perlu diberi perhatian kerana populasi belia yang berumur 15 hingga 30 tahun berdasarkan Statistik Jabatan Perangkaan pada tahun 2022 iaitu seramai 9.6 juta orang iaitu hampir 30 peratus daripada keseluruhan rakyat Malaysia berjumlah 32.6 juta. Untuk mencapai kesepaduan sosial yang diidamkan, setiap individu terutamanya golongan muda pemimpin masa depan perlu memiliki jati diri dan nilai murni yang tinggi. Platform media adalah wadah integrasi dalam meletakkan nilai dan tingkah laku kerana hubungan sosial yang terbentuk di semua peringkat akan menunjukkan kesepaduan sosial itu wujud.

## Tinjauan Literatur

### Pengaruh Media terhadap belia

Komunikasi adalah tujuan utama masyarakat memasuki medium dalam talian (Kamarudin et.al., 2019). Hampir keseluruhan pengguna internet kini memanfaatkan dunia siber sebagai alat utama dalam aktiviti seharian mereka terutama dalam konteks komunikasi (Mustafa et.al., 2020). Indeks Belia Malaysia (2016) menyatakan golongan belia menghadapi ketagihan dalam penggunaan media terutama pada penggunaan telefon bimbit dan internet dengan rata-rata penggunaan melebihi 4 jam setiap hari. Manakala hasil kajian oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) yang menyatakan bahawa sekitar 18 juta penduduk di Malaysia aktif menggunakan media sosial dengan golongan belia mendominasi penggunaan. Kajian ini juga mendapati 57% golongan belia yang berumur di bawah 30 tahun adalah ketagihan media sosial terutamanya internet.

Menurut Andrew et al. (2020), pada masa sekarang Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) sangat pantas berkembang dengan pesatnya di mana dapat menjadikan dunia berhubung tanpa sempadan. Ledakan informasi melalui TMK telah membawa perubahan yang besar dalam kalangan masyarakat Malaysia yang sedang membangun. Salah satu saluran maklumat dan komunikasi yang digunakan secara meluas ialah internet di mana mampu diakses dengan

menggunakan telefon bimbit yang mempunyai perisian perkhidmatan internet tanpa wayar. Ini menjadikan media salah satu sumber maklumat yang paling dipercayai oleh masyarakat.

Pengaruh media terhadap belia juga turut mempengaruhi gaya hidup seperti aktiviti, minat, pendapat dan masa yang diperuntukkan dalam kehidupan seharian. Berdasarkan hasil kajian Andrew et al. (2020), mendapati antara faktor yang paling tinggi belia ketagih dengan penggunaan media sosial adalah penggunaan internet dengan skor min iaitu ( $M=4.64$ ). Selain itu, faktor yang turut mendorong belia ketagih dalam penggunaan media sosial adalah penggunaan alat gadget, rangkaian sosial yang meluas, sumber hiburan, permainan secara maya dan kebergantungan komunikasi melalui media sosial. Ini menunjukkan masalah ketagihan penggunaan media sosial perlu dititikberatkan oleh semua pihak agar dapat dibendung agar tidak menjejaskan pembangunan belia pada masa hadapan.

Di Malaysia, penggunaan internet secara meluas sebahagian besarnya dikuasai oleh golongan belia. Berdasarkan hasil kajian Mohd & Mohd (2013), internet kini telah menjadi medium paling penting dan dipercayai berbanding dengan televisyen dan surat khabar dalam menyebarkan maklumat. Kemunculan media baharu ini adalah sebagai saluran komunikasi yang telah memberikan akses untuk mendapatkan maklumat. Selain itu, kajian terkini berkenaan media baharu dan kesepaduan sosial di kalangan belia telah dilakukan. Menggunakan pendekatan konsep kewarganegaraan digital global, Harris & Johns (2020) mencadangkan bahawa adalah penting untuk memikirkan bagaimana tabiat digital golongan muda masa kini dalam talian sudah boleh memupuk budaya sivik yang bermanfaat sebagai tambahan kepada peluang yang ditawarkan digital untuk mengajar kecekapan antara budaya belia.

Peranan teknologi bukan sahaja memudahkan aktiviti harian tetapi turut mengubah kehidupan masyarakat Malaysia terutamanya golongan belia yang dikatakan berdamping dengan teknologi iaitu internet. Menurut Zulkifli et al. (2021), media baharu merupakan saluran yang berfungsi untuk mempengaruhi dan mendidik masyarakat di mana mampu memberi kesan kepada senario politik negara. Ini bermula sejak pilihanraya ke 10 lagi di Malaysia, golongan belia telah dilihat sebagai pengguna internet yang paling ramai berbanding yang lain kerana golongan ini cepat dalam menggunakan kemudahan internet serta pantas dalam mengakses maklumat terkini. Selain itu, media baharu juga dilihat sebagai satu medium untuk mendapat maklumat dengan pantas dan lambakan maklumat dilihat mampu mengubah corak pemikiran dan perlakuan belia berbanding dengan media tradisional.

Manakala, Sahharon, Bolong & Idris (2020) mendapati bahawa secara keseluruhan, tahap kesepaduan sosial komuniti belia Malaysia di dalam talian adalah sederhana dengan dimensi rasa kekitaan mendapat markah tertinggi. Dalam kajian soal selidik tersebut, seramai 600 belia pelbagai etnik dari kawasan bandar dan luar bandar Malaysia telah dipilih. Responden dinilai mengenai tahap persetujuan mereka tentang kebersamaan, rasa kekitaan, kepercayaan sosial dan penglibatan. Ini menunjukkan bahawa melalui penggunaan media baharu mampu mempengaruhi kesepaduan sosial di kalangan belia dari aspek rasa kekitaan walaupun secara sederhana.

### **Belia dan Kesepaduan Sosial**

Suhaimi et al. (2016), belia bermaksud sebuah fasa perkembangan hidup dalam diri seseorang dan boleh dikatakan sebuah peralihan fasa dari zaman kanak-kanak kepada alam dewasa. Menurut Endut et al. (2020), definisi belia adalah merujuk kepada individu yang berumur antara

15-40 tahun yang mengambil kira skop di Malaysia. Namun definisi belia sekarang menyatakan bahawa belia yang berada antara lingkungan 15 hingga 40 tahun adalah luas dan tidak sesuai lagi terutama dalam kalangan masyarakat Malaysia pada hari ini yang cepat berkembang dengan pesat serta adanya pelbagai aktiviti dalam kehidupan seharian (Bahari, 1995). Menurut Kementerian Belia dan Sukan (2015), berkuatkuasa pada Oktober 2015 segala bentuk perancangan belia Malaysia dan umur belia bukan lagi antara 15 hingga 40 tahun, sebaliknya kepada umur 15 hingga 30 tahun.

Namun, tafsiran umur belia telah berubah semula, di mana takrifan baru telah diluluskan oleh Dewan Rakyat melalui Rang Undang-Undang (RUU) Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Pindaan) 2019 (Akta 668) (Astro Awani 2019). Takrifan baru yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat ialah kumpulan umur belia tersebut boleh dikategorikan kepada dua iaitu kumpulan yang berumur antara 15 hingga 25 tahun dan kumpulan yang berumur 25 ke atas. Kumpulan yang berumur 15 hingga 25 tahun rata-ratanya masih di peringkat pembelajaran pada tahap yang berbeza-beza. Berbanding dengan kumpulan belia yang berumur 25 tahun ke atas kebanyakan sudah ramai yang telah memasuki alam pekerjaan (Mohd Mahadee et.al, 2020).

Zulkifli et al. (2021), golongan belia sering dikaitkan dengan golongan yang terikat dengan dunia pendigitalan dan Malaysia mempunyai peratusan warga digital tertinggi di dunia. Golongan belia pada masa kini telah membesar pada zaman internet dan teknologi maklumat dan komunikasi negara berkembang dengan pesat. Seiring dengan itu, belia lebih seronok dan selesa mengguna media baharu berbanding media tradisional serta merupakan pengguna yang lebih mahir dalam aktiviti dan kehidupan seharian yang disokong kemudahan internet. Penggunaan media oleh golongan belia adalah untuk mendapat maklumat politik dan hal ehwal negara serta memberi pandangan secara maya. Antara faktor yang menarik golongan belia untuk terus mengguna media sebagai medium utama adalah lebih cepat, mudah diakses, tiada halangan dan terbuka.

Carron & Brawley (2012) telah memberikan definisi kesepaduan sosial sebagai proses dinamik yang terlihat melalui kecenderungan kumpulan untuk tetap bersatu untuk mencapai objektif dan keperluan setiap ahli dalam kumpulan. Berdasarkan Markus dan Kirtpitchenko (2007) seperti dalam (Yacob et al., 2020), berkongsi visi yang sama mewakili kesepaduan sosial. Oleh itu, para penyelidik telah menjelaskan bahawa kesepaduan sosial memerlukan nilai sejagat, aspirasi individu atau identiti bersama di antara semua ahli, yang mencerminkan sebuah komuniti atau kumpuylan yang bersatu dalam matlamat, tanggungjawab dan kerjasama antara ahli. Tambahan pula, Jane dan Anna (2015) telah mengenal pasti tiga komponen utama dalam kesepaduan sosial. Tiga aspek utama ini termasuk: 1) “being”, yang meliputi dimensi fizikal, psikologi dan rohani; 2) “belonging” yang menggambarkan hubungan individu dengan dimensi fizikal, sosial dan persekitaran masyarakat’ dan 3) “becoming” yang melibatkan aktiviti individu untuk mencapai matlamat dan aspirasi yang diinginkan.

Menurut Janmaat (2011) dan Anita Cloete (2014), kesepaduan sosial dalam penggunaan konvensional atau melambangkan ikatan antara individu dan kumpulan yang mengikat individu dan masyarakat dalam satu hubungan yang positif. Hubungan ini dijelaskan melalui kualiti interaksi dalam konteks hubungan sosial atau keadaan yang perlu diberi keutamaan dalam situasi di mana individu, kumpulan atau masyarakat berbagi ruang dan berinteraksi Bersama. Menurut pandangan mereka, kesepaduan sosial bererti perpaduan dan berkaitan dengan masyarakat, modal sosial dan pembangunan negara. Dengan menggunakan konsep



normative, telah dicadangkan bahawa promosi kesepaduan sosial berlangsung melalui hubungan masyarakat yang positif, inklusi dan penyertaan kerana kedua-duanya adalah input dan output yang diinginkan untuk menangani sikap prejudis, pengecualian sosial dan diskriminasi. Berdasarkan Janmaat et al. (2014), kesepaduan sosial dapat difahami sebagai kualiti yang mengikat suatu negara bersama-sama, di mana setiap bangsa atau kelompok merasa bangga dengan identiti nasional mereka iaitu Malaysia. Selanjutnya, kesepaduan sosial adalah konsep normatif yang pada dasarnya merujuk pada konsep yang mendorong tindakan bermatlamat. Konsep ini berhubung dengan berbagai faktor dan impak yang menyumbang kepada kepelbagaian budaya dan etnik.

Kesepaduan sosial merupakan elemen utama dalam membentuk tingkah laku generasi muda (Shamsul Amri, 2012). Ini adalah keadaan di mana masyarakat, terutama berbilang etnik, hidup dalam keadaan aman, stabil dan sejahtera serta menyokong antara satu sama lain. Kesepaduan sosial ini dibangunkan di Malaysia melalui kesepakatan yang kuat meskipun terdapat perbezaan, kontradiksi, contestation dan konflik dalam masyarakat. Pandangan ini memberi gambaran bahawa kesepaduan menciptakan suatu situasi di mana perbezaan tersebut diterjemahkan dengan sikap saling menghargai, toleransi dan semangat akomodasi. Oleh kerana itu, kesepaduan sosial tidak hanya memerlukan kesediaan untuk beradaptasi tetapi juga kesiapsediaan untuk menghormati perbezaan masyarakat dan membangun secara harmoni. Di Malaysia, kesepaduan sosial telah terjalin dalam kerangka yang melibatkan pelbagai etnik serta melibatkan faktor-faktor seperti ekonomi, politik dan sosial. Kesepaduan ini terus dipertahankan dan diperkuat melalui interaksi seharian antara masyarakat walaupun dengan latar belakang yang pelbagai.

Menurut Estrabooks dan Carron (2015) dalam Utami et al. (2019), kesepaduan didefinisikan sebagai proses dinamik yang melihat kepada kecenderungan untuk kumpulan kekal dan sentiasa bersama untuk mencapai objektif dan keperluan afektif sendiri individu. Kesepaduan sosial adalah amat penting untuk diberi perhatian dan dikongsi bersama dalam pelbagai konteks masyarakat (Eys et al., 2019), perniagaan (Tekleab et al., 2016), ketenteraan (Kanesarajah et al., 2016) dan muzik (Dobson & Gaunt, 2015). Proses sosialisasi yang berlaku melalui praktis kesepaduan sosial dalam aktiviti yang dilaksanakan telah menyebabkan berlakunya perkongsian pengetahuan dan kemahiran. Seseengah kumpulan atau kelompok cenderung menggalakkan interaksi sosial untuk meningkatkan Penyertaan yang aktif dari pelbagai etnik telah menggalakkan perkongsian pengetahuan dan kemahiran serta nilai-nilai daripada pemimpin (Lave & Wenger, 2006).

Justeru, interaksi adalah amat penting dalam memupuk kesepaduan masyarakat terutama di kalangan belia (Hedayanti Marzbali et al., 2014). Menurut Yaccob (2019), kesepaduan sosial di kalangan belia adalah tinggi iaitu 63.4%. hasil kesepaduan sosial yang kuat di antara belia terlihat dalam berbagai tindakan seperti komitmen belia, penyertaan dan aktif secara bersama dalam aktiviti, kerjasama dalam kumpulan serta pendekatan yang sama di antara ahli. Selain itu, interaksi sosial yang terjalin melalui aktiviti yang dilakukan secara Bersama oleh belia telah membentuk nilai-nilai positif terutama dalam hal kerjasama kumpulan. Dalam aktiviti-aktiviti ini, belia telah mempelajari nilai untuk bekerja secara bersama-sama dan mempunyai matlamat bersama dan mengembangkan kemahiran dalam berkolaborasi.

## Metodologi

Pendekatan kualitatif dalam kajian ini telah menggunakan metode pemerhatian tidak turut serta dan kumpulan perbincangan berfokus, reka bentuk kajian melalui pendekatan kualitatif, khususnya dalam konteks fenomenologi yang memfokuskan kepada struktur dan intipati pengalaman serta melibatkan pemahaman mendalam terhadap kesedaran individu. Kajian ini telah mendapatkan pendapat, persepsi dan tafsiran responden dalam rangka memahami fenomena yang dikaji. Seperti yang dikemukakan oleh Geertz (1993), pengkaji yang menggunakan pendekatan fenomenologi telah berusaha memahami dunia konsepsi individu yang menjadi subjek kajian. Pengalaman individu yang bersifat turut subjektif direkodkan melalui pemerhatian dan temubual.

Dalam memilih informan kajian, pendekatan untuk pemilihan informan telah disesuaikan dengan keperluan kajian yang mengkehendaki maklumat dan pandangan daripada informan yang terlibat dalam program pembangunan sosial, khususnya di kalangan belia dan pemimpin belia dan mentor. Seramai 22 orang informan telah mengambil bahagian dalam kumpulan perbincangan berfokus (FGD) yang telah diadakan pada 20 Mei 2017 di Kompleks Rakan Muda Bukit Kiara, Kuala Lumpur. Melalui FGD ini, pengkaji telah menganalisis pendapat yang dikemukakan oleh semua informan dengan melihat trend jawapan supaya dapat memberikan gambaran kepada pengkaji tentang isu yang dikaji. Informan telah ditemubual secara berkumpulan. Seramai tujuh orang informan yang terdiri daripada Pegawai NAO, Pemimpin dan mentor serta Pemegang Tahap Emas Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda (ARPRM) telah ditemubual secara berkumpulan dalam FGD pertama, kedua dan ketiga. Semasa menjalankan FGD, seorang pembantu moderator telah dilantik untuk setiap sesi FGD bagi membantu penyelidik mencatat nota bertulis dan pemerhatian sepanjang FGD. Informan dipilih berdasarkan pengalaman informan dalam program ARPRM. FGD menggunakan fenomena kajian iaitu pengalaman responden dalam pelaksanaan program ARPRM untuk tujuan perbincangan. Pemilihan informan utama kajian dalam proses FGD adalah seperti berikut :

Informan	Jumlah (orang)
Pegawai dari Badan Berkuasa Anugerah (Asia Pasifik dan Malaysia)	3
Pemimpin dan mentor ARP	4
Pemegang tahap emas ARP	15
Jumlah	22

Maklumat penetapan kriteria informan kajian adalah seperti berikut :

1. Pegawai dari Badan Berkuasa Anugerah (Asia Pasifik dan Malaysia)
  - Terlibat dalam program ARP secara menyeluruh
  - Mempunyai pengalaman dalam program pembangunan belia
2. Pemimpin, Mentor dan Pemegang Tahap Emas ARPRM
  - Memahami peranan dan tanggungjawab
  - Mempunyai pengalaman dalam pelaksanaan program ARPRM dari tahap gangsa, perak dan emas
  - Dapat menerangkan perjalanan program ARPRM dan telah menghadiri Kursus Pengurusan ARPRM
  - Telah menerima penghargaan atau anugerah dalam Pertubuhan Belia atau di Peringkat Kebangsaan

## Dapatan Dan Perbincangan

### Profil Peribadi dan Profesional Responden

Dalam kajian ini beberapa strategi telah disusun untuk pengumpulan data, dengan merujuk kepada prosedur persampelan dalam kajian kualitatif. Pengkaji telah memilih kaedah pemerhatian tidak turut serta (non-participant observation) dan kumpulan perbincangan berfokus (focus group discussion) sebagai strategi dan pendekatan untuk mendapatkan data primer. Pelaksanaan Focus Group Discussion (FGD) melibatkan tiga kumpulan seperti dalam Jadual 1 dan Jadual 2.

**Jadual 1: Latar Belakang Responden**

	Latar Belakang	Bilangan	Peratusan (%)
<b>JANTINA</b>	Lelaki	13	62
	Perempuan	8	38
<b>BANGSA</b>	Melayu	15	71
	Cina	4	19
	India	2	10
<b>NEGERI</b>	Kedah	1	
	Pulau Pinang	2	
	Selangor	1	
	WP Kuala Lumpur	7	
	Negeri Sembilan	8	
	Pahang	2	
	Sabah	1	

**Jadual 2: Profil Informan**

Nama	Umur	Negeri
<b>Kumpulan 1</b>		
Informan 1	23	Negeri Sembilan
Informan 2	26	Kedah
Informan 3	29	Pulau Pinang
Informan 4	52	WP Kuala Lumpur
Informan 5	27	Selangor
Informan 6	28	Selangor
Informan 7	18	Negeri Sembilan
<b>Kumpulan 2</b>		
Informan 8	34	Pahang
Informan 9	31	Sabah
Informan 10	19	Negeri Sembilan
Informan 11	28	WP Kuala Lumpur
Informan 12	32	WP Kuala Lumpur
Informan 13	60	Negeri Sembilan
Informan 14	31	WP Kuala Lumpur
<b>Kumpulan 3</b>		
Informan 15	32	Pulau Pinang
Informan 16	41	Negeri Sembilan



Informan 17	32	WP Kuala Lumpur
Informan 18	25	Negeri Sembilan
Informan 19	24	Negeri Sembilan
Informan 20	31	WP Kuala Lumpur
Informan 21	18	Negeri Sembilan
Informan 22	32	WP Kuala Lumpur

Data yang telah dikumpulkan merangkumi data dari kumpulan perbincangan berfokus, sesi temubual, pemerhatian dan juga penggunaan triangulasi data. Triangulasi data merupakan pendekatan yang menggabungkan pelbagai sumber data, pendekatan metodologi, serta sumbangan pengkaji dan teori dalam penyelidikan. Ini membolehkan pengkaji untuk mendapatkan pandangan yang lebih holistik tentang fenomena yang dikaji. Melalui proses triangulasi data. Pengkaji telah menguji kredibiliti data dengan memeriksa dari berbagai sudut dan penggunaan teknik yang pelbagai. Hal ini penting kerana setiap teknik dan sumber data memiliki kelebihan dan kelemahan masing-masing. Dengan menggunakan triangulasi data, kebolehpercayaan dan kesahihan hasil kajian dapat ditingkatkan. Analisis hasil kajian telah dibincangkan berdasarkan kerangka analisis yang telah ditetapkan untuk menjawab objektif kajian mengenai impak globalisasi media dan kesepaduan sosial. Hasil analisis data telah diringkas dan memberi jawapan kepada persoalan-persoalan kajian yang telah dibentuk.

### **Impak Kesepaduan Sosial Belia**

Kesepaduan sosial memiliki peranan yang sangat penting sebagai penghubung antara individu dengan komuniti melalui proses yang menghubungkan fenomena mikro dan makro yang mempengaruhi sikap dan tingkah laku individu (Friendkin, 2004). Dapatan daripada tiga kumpulan perbincangan berfokus (FGD) menunjukkan bahawa kesepaduan sosial meliputi keharmonian kelompok masyarakat yang memerlukan penglibatan generasi muda melalui aktiviti sosial. Untuk memupuk kesepaduan sosial di kalangan pemimpin muda, berbagai pendekatan telah diterapkan. Ia melibatkan pendidikan sama ada secara formal atau tidak formal, serta melalui aktiviti sukan dan rekreasi dan program gaya hidup yang memupuk elemen kepimpinan. Untuk mencapai tujuan ini, pengkaji melihat beberapa strategi yang boleh diberi penekanan untuk dilaksanakan iaitu:

1. Pendidikan: meningkatkan pemahaman tentang kepelbagaian budaya dan latar belakang melalui program Pendidikan formal dan tidak formal. Ia dapat membantu pemimpin muda memahami perspektif yang berbeza dan membangunkan toleransi.
2. Aktiviti Sukan dan Kecergasan: Memperbanyakkan aktiviti sukan dan rekreasi yang melibatkan pelbagai kelompok masyarakat dapat membangunkan sikap saling menghormati dan kerjasama di antara mereka selain mengeratkan ikatan sosial (social bonding).
3. Program kepimpinan muda: mendorong belia untuk menyertai program yang memfokuskan kepada ketrampilan kepimpinan dan penyerlahan potensi diri. Ia dapat membantu belia untuk mempunyai peranan yang aktif dalam mengatasi permasalahan sosial.
4. Kerjasama pelbagai peringkat: mencipta platform di mana generasi muda dapat bekerjasama dengan generasi yang lebih berpengalaman dalam projek-projek yang bermanfaat bagi masyarakat. Hal ini dapat menjadikan satu platform perkongsian pengalaman dan pengetahuan yang akan menyumbang kepada pemahaman dan keharmonian sejagat.
5. Dialog dan Komunikasi Terbuka: Mendorong komunikasi secara terbuka antara kelompok masyarakat yang berbeza dapat membantu mengatasi salah faham dan

memupuk kepercayaan. Dialog secara konstruktif dapat membantu membangunkan kesepaduan.

6. Program Pemerdayaan Ekonomi: Membantu masyarakat yang kurang berkemampuan dengan memberikan Latihan dan sokongan untuk memajukan ekonomi. Ia sekaligus dapat membantu mengurangkan ketidaksamarataan dan menguatkan ikatan sosial.
7. Pelaksanaan Aktiviti Secara Bersama: menganjurkan aktiviti sosial secara Bersama bagi mewujudkan platform interaksi secara bersama dan membangun hubungan yang lebih baik.

Melalui penerapan pendekatan-pendekatan ini, pemimpin muda dapat memainkan peranan dalam membangun kesepaduan sosial dan membawa perubahan positif dalam masyarakat. Kaedah-kaedah ini dapat dilihat dalam pelaksanaan pelbagai jenis aktiviti seperti khidmat masyarakat, penjelajahan lasak, rekreasi fizikal, kemahiran dan projek penempatan dalam program kepimpinan muda iaitu Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda (ARPRM). Keseluruhan ahli dalam ketiga-tiga kumpulan perbincangan berfokus (FGD) bersetuju bahawa semakin banyak aktiviti kemasyarakatan yang dilaksanakan oleh belia, semakin tinggi tahap kesepaduan sosial dalam kalangan mereka. Kajian sebelum ini juga menunjukkan bahawa penglibatan belia dalam komuniti memberi impak positif kepada kesepaduan sosial (Mickelson & Nokmo, 2012). Dalam persekitaran yang mencerminkan kepelbagaian kaum, interaksi dan proses sosiolisasi yang merentasi sempadan menjadi bentuk penglibatan yang pelbagai, mempengaruhi perkembangan peribadi serta hubungan masyarakat secara keseluruhan (Tamam & Hashmi, 2016).

Tujuh langkah memajukan perpaduan sosial yang telah dirumuskan oleh Browne et.al (2005) dalam "Seven Steps: A Practitioner's Toolkit," Unit Cohesion and Faiths Council Metropolitan Borough Oldham (2005) yang boleh diaplikasi dalam Program Pembangunan Potensi Diri belia iaitu:

1. Kepimpinan dan Komitmen: Pemimpin perlu mengambil tanggungjawab mengurus dan memacu masyarakat melalui perubahan yang diperlukan untuk membina masyarakat yang bersatu padu. Sebagai pemimpin belia, perlu menunjukkan komitmen dengan penglibatan aktif dan memegang tanggungjawab di peringkat setempat sebagai pemimpin atau mentor.
2. Membangunkan visi dan nilai untuk perpaduan: Ke arah membentuk masyarakat yang bersatu padu, pentingnya belia sebagai pemimpin masa depan negara berperanan untuk membangunkan visi bersama dengan menekankan pembangunan potensi diri belia.
3. Perancangan dan pengurusan program: Mewujudkan garis panduan yang berkaitan dengan merujuk kepada perancangan aktiviti, peristiwa penting, pengurusan dan pembuatan keputusan. Mekanisme yang jelas dan pemantauan serta penilaian keberkesanan perlu diberi perhatian sewajarnya kerana ia akan menjadi rujukan perancangan aktiviti yang mantap.
4. Penglibatan masyarakat: mendekati kumpulan masyarakat dan membawa mereka lebih dekat berkaitan dengan kesepaduan sosial. Penglibatan masyarakat adalah bergantung kepada komposisi masyarakat setempat. Interaksi positif yang wujud akan membina masyarakat yang selesa berinteraksi antara satu sama lain.
5. Cabaran dalam mengubah persepsi: tingkah laku adalah berkaitan dengan persepsi yang dilihat dan di dengar melalui orang lain. Penglibatan dan hubungan antara individu, kumpulan dan masyarakat boleh mengubah persepsi individu melalui media terutamanya.

6. Kesepaduan komuniti melalui potensi kepakaran komuniti: terdapat hubungan yang jelas antara kesepaduan komuniti seperti ekonomi, kesihatan dan perumahan. Selain itu, pengaruh pemimpin belia yang mempunyai pengetahuan dan informasi sangat memberi impak besar dalam menggalakkan kesepaduan.
7. Memastikan kemampuan belia: untuk memastikan kelestarian belia adalah penting untuk menghubungkan kesepaduan sosial dengan mengurusperdanakan masyarakat. Ia bukan sahaja melibatkan perancangan dan polisi kerajaan tetapi juga bagaimana untuk mengubah minda dan pemikiran dalam masyarakat.

Melalui tujuh langkah ini, program Pembangunan Potensi Diri akan menjadi lebih berkesan dalam mencapai matlamat kesepaduan sosial dan pembangunan belia. Integrasi merujuk kepada proses membentuk satu identiti nasional di dalam satu unit atau komuniti yang terdiri daripada kumpulan yang berbeza dari segi budaya, sosial, dan lokasi. Sementara itu, integrasi sosial adalah penyesuaian antara elemen-elemen yang berbeza dalam masyarakat untuk mencapai keselarasan fungsi kehidupan sosial. Informan peserta Kumpulan Fokus (FGD) yang terdiri daripada 71% Melayu, 19% Cina, dan 10% India, walaupun perbezaan demografi dan latar belakang, terdapat penegasan bahawa integrasi sosial telah berlaku dengan matlamat yang sama iaitu membangunkan belia di Malaysia. Pendapat ini dinyatakan oleh peserta Kumpulan Fokus dari Kumpulan 1 dan Kumpulan 2 semasa sesi FGD yang dijalankan. Berikut adalah maklum balas yang diberikan oleh peserta Kumpulan 1 dan Kumpulan 2 mengenai Kesepaduan Sosial.

“kesepaduan sosial tu adalah meraikan kewujudan kepelbagaian kaum, kita ada rasa hormat antara satu sama lain. Dalam aktiviti penjelajahan lasak kita lihat mereka tolong satu sama lain, masak *together, tracking* bersama, kalau dalam gelap pun tunggu kawan. Saya suka bawak peserta saya untuk buat projek penempatan di kawasan orang asli sebab disitu adalah cara paling baik untuk mereka nak bina diri dan juga hubungan dengan kawan. Mereka belajar cara hidup orang asli dan belajar hidup susah kerana itu cara terbaik nak bina kesepaduan”

(Informan 10 & 13).

“kita di Malaysia kan ada banyak kaum Melayu, Cina, India, etnik Sabah Sarawak. Di Temerloh ada belia Melayu dengan Cina, diorang boleh buat aktiviti tu bersama dan tolong kawan-kawan yang lain juga. Diorang ni jugak kalau peserta cina bila ikut perkhemahan bila waktu maghrib dia ingatkan, kejut waktu subuh. Kita nampak rasa hormat pada agama dan adat antara satu sama lain”

(Informan 8).

“semua aktiviti dibuat secara berkumpulan, we share together, we do everything together. So, saya rasa itu dapat kuatkan perpaduan. Maksudnya lagi banyak program lagi kuat perpaduan tu sebab kita kan buat sama-sama”

(Informan 9 & 11)

“kesepaduan tu kumpulan 1 ni merasakan ia adalah kesejahteraan, keadaan yang aman dan kesepakatan nilai murni dalam komuniti bagi menjamin keselamatan dan keamanan sejagat. Dalam nak membentuk kesepaduan, kesedaran setiap ahli tu sangat penting sebab keterlibatan keluarga dalam program peringkat komuniti akan menjadi pemangkin kepada sesuatu komuniti yang mampan. Sebab itu, pengiktirafan tu jadi motivasi kepada ahli untuk bentuk kesepaduan, kira macam reward yang positif kepada ahli bila terlibat secara aktif dalam aktiviti di peringkat

komuniti. Macam program Anugerah Remaja Perdana misalnya, ada kategori sendiri dalam Anugerah Perdana Belia. Itu sebenarnya menjadi platform untuk kenal pasti perkongsian praktis terbaik penerima Emas ni melalui sumbangan dalam komuniti. Maksudnya selepas dapat anugerah tu mereka tetap bagi sumbangan pada negara”

(Informan 2 & 3)

### **Impak Globalisasi Media**

Analisis informan menunjukkan bahawa media massa adalah platform terbaik yang digunakan oleh belia untuk berkongsi mengenai kepentingan kesepaduan sosial. Menurut Zainal et al. (2021), media massa di Malaysia telah memainkan peranan yang signifikan dalam memupuk dan memperkukuhkan ikatan masyarakat. Malaysia, sebagai sebuah negara yang menghargai kepelbagaian dan memahami bahawa perbezaan adalah lumrah, telah mencapai kesepaduan dengan menjaga keseimbangan dalam masyarakatnya (Shamsul Amri, 2016). Melalui kajian ini, belia memilih untuk berbincang, menggunakan mediasi, tawar-menawar, dan rundingan secara berterusan melalui platform program pembangunan potensi diri (Yacob et al., 2020) untuk mencari penyelesaian yang dapat menyatukan masyarakat.

Mesej kesepaduan yang disampaikan melalui media sosial seperti Facebook, Instagram, website merupakan cara terkini dalam menyampaikan maklumat. Perkembangan pesat teknologi dalam media massa telah memberi impak besar kepada tingkah laku individu dan masyarakat. Media merupakan agen perubahan penting dalam masyarakat kerana ia mempengaruhi tingkah laku dan pemikiran seseorang (Hamid, 2016). Selain itu, melalui platform media, penyertaan belia telah meningkat dan diiktiraf. Lebih banyak kejayaan dapat dikongsi, tidak hanya di dalam negara tetapi juga di peringkat antarabangsa melalui media. Maklum balas daripada informan adalah seperti berikut:

“Media ni sebenarnya medium yang sangat penting. Contohnya Facebook dan Instagram tu sangat penting kerana dari situ boleh mewartakan dan berkongsi apa yang kita buat. Contohnya berkongsi mesej bersatu padu, bekerjasama dalam program kemasyarakatan atau kempen seperti projek asnaf dan sebagainya dapat menggalakkan penyertaan dan sumbangan kepada yang memerlukan. Macam saya setiap hari akan berkongsi aktiviti yang saya buat di media sosial bukan untuk tujuan menunjuk tapi berkongsi rasa yang sama dan mengajak belia untuk sama-sama berbuat baik”

(Informan 6).

“Saya amat mementingkan promosi melalui media sosial sebab dari situ kita dapat mengajak belia di luar yang tak ada aktiviti. Daripada melepak dan buat perkara yang salah lebih baik ikut sertai Anugerah Remaja Perdana. Dapat juga kenal lebih ramai lagi kawan dan juga ubah diri ke arah yang lebih baik”

(Informan 13).

”Zaman teknologi sekarang, pelbagai kaedah yang kita gunakan untuk berinteraksi. Interaksi ni dalam pelbagai platform terutamanya media sosial dan jugak media massa dan kesan media ni sangat mempengaruhi diri dan emosi kita. Mesej perpaduan yang sentiasa dikongsi media akan memberi kesan kepada pemikiran dan pandangan kita.”

(Informan 16)

Komunikasi digital memainkan peranan yang penting dalam menyampaikan mesej perpaduan kepada rakyat, sambil secara serentak mengubah landskap kehidupan masyarakat masa kini. Maklumat yang disalurkan melalui platform digital membuka peluang kepada masyarakat untuk berkomunikasi dalam era digital (sumber: <https://pmr.penerangan.gov.my/>). Dasar Perpaduan Negara, yang terkini pada tahun 2021 (sumber: <https://www.kkmm.gov.my/>), mengamalkan konsep "Perpaduan dalam Kepelbagaian." Dasar ini bertujuan untuk memupuk, mengukuhkan, dan memelihara perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia. Ia berperanan dalam mengukuhkan perpaduan dan integrasi, serta membentuk identiti nasional yang berteraskan semangat jati diri, toleransi, patriotisme, hormat-menghormati, tanggungjawab, dan kemasyarakatan yang saling menghormati. Dasar ini juga bertujuan melahirkan rakyat Malaysia yang mengamalkan nilai-nilai perpaduan.

### **Analisis Tingkah Laku dan Penerapan nilai murni**

Tingkah laku individu adalah hasil daripada interaksi atau tindakan yang mereka lakukan dalam persekitaran mereka (Cooper, Heron, & Heward, 1980 sebagaimana disebut dalam Hasena, 2016). Dalam kajian ini, istilah "tingkah laku" merujuk kepada cara individu, khususnya belia yang terlibat dalam Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda (ARPRM), bertindak atau mengembangkan potensi diri mereka. Tingkah laku ini memainkan peranan penting dalam membentuk personaliti individu, penglibatan mereka dalam badan operasi yang mereka sertai, dan interaksi mereka dengan komuniti setempat.

Tingkah laku individu mempengaruhi perkembangan personaliti mereka, terutamanya apabila mereka mengulangi sesuatu tindakan secara berulang kali. Secara beransur-ansur, tingkah laku ini menjadi sebahagian daripada tabiat mereka. Proses membentuk tingkah laku juga melibatkan komuniti atau badan operasi ARPRM yang mereka sertai. Nilai-nilai murni dan keprihatinan yang diterapkan dalam setiap aktiviti yang mereka lakukan dalam ARPRM akan membentuk tingkah laku yang positif.

Melalui penyertaan dalam program ARPRM, kesan positif dalam pembentukan sikap dan tingkah laku yang positif adalah hasil daripada perkembangan kematangan perkembangan individu dalam program ini. Selain itu, proses kepemimpinan yang mereka lalui, terutamanya dalam usaha untuk mencapai anugerah tahap emas, adalah contoh nyata yang dapat dilihat dalam pembentukan sikap dan tingkah laku yang positif. Berikut adalah kata-kata yang dinyatakan oleh informan dari Kumpulan 3 dan Kumpulan 1 mengenai perkara ini:

”Dalam Program ARP contohnya la dalam projek penempatan tahap emas yang kita buat dengan komuniti ada wujud perkongsian kemahiran dan juga interaksi dua hala. Jadinya tingkah laku tu membentuk perubahan personaliti yang berterusan ke arah yang lebih positif sebab bila dalam komuniti kita akan berkongsi tentang apa yang baik tentang diri kita, kita *share* bakat dan kemahiran yang kita ada dan *give back to society*. Contohnya bakat dan kemahiran mengambil gambar dan membuat video. Kita jugak boleh lihat interaksi antara pemimpin, mentor dan peserta ARPRM yang mana mentor ni akan cuba membentuk diri peserta ARPRM ke arah yang lebih baik. Sebab tu dalam nak bentuk tingkah laku individu niat tu penting sebab dia akan memotivasikan diri kita dan kita ada *direction* yang lebih jelas. Kalau kita ni ada niat ke arah yang lebih baik contohnya nak jadi pemimpin belia kita tahu apa yang kita kena buat”

(Informan 16).



“Pada pendapat saya la tingkah laku tu mempengaruhi personaliti diri kita melalui tabiat atau habit kita. Maksudnya apa yang kita suka buat. Kita berkongsi dengan komuniti termasuklah komuniti online. Kalau dalam komuniti cara nak bentuk tingkah laku adalah melalui penglibatan kita dalam aktiviti di peringkat komuniti. Bila kita bergaul dengan depa baru kita tau dan kenal tingkah laku setiap orang tu.”  
(Informan 4).

“Belia ni merupakan *role model*. Jadi apa yang kita buat akan jadi perhatian masyarakat. Sebab tu media sosial sekarang ni seperti facebook, instagram dan twitter memainkan peranan yang sangat penting sebab apa yang kita buat mesti jadi viral sama ada secara positif atau negatif. Bila kita kata langkah yang paling sesuai dalam nak memastikan niat tu sebagai mekanisme dalam membentuk tingkah laku potensi diri adalah melalui komponen aktiviti dalam ARPRM contohnya yang melibatkan keagamaan. Imam Nawawi pun ada kata niat tu adalah keinginan yang ada dalam hati dan terbit dari kehendak, keinginan atau keazaman untuk melakukan sesuatu”

(Informan 6 dan 17).

Penglibatan dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan melalui program ARPRM bukan hanya membantu memupuk gaya hidup yang sihat, tetapi juga merangsang interaksi sosial di kalangan belia dan masyarakat secara umumnya. Selain itu, ia mempromosikan nilai-nilai murni dan membentuk sikap positif serta kreatif yang penting untuk menghadapi cabaran semasa dan akan datang. Konsep kepimpinan diri yang ditekankan dalam program ini menggambarkan keupayaan sebenar individu. Kepimpinan diri yang telah diterapkan melalui program ini telah terbukti memberikan hasil yang positif. Penganjuran dan pelaksanaan program kemasyarakatan dan kesukarelawanan akan terus diperkukuhkan oleh Kementerian Belia dan Sukan dengan matlamat memperkasa potensi generasi muda. Ini dilakukan dengan menggalakkan sikap tolong-menolong, kerjasama, dan semangat bergotong-royong (Utusan Borneo, 2017). Menurut Azhar Ahmad dalam Muslihuddin (2014), penerapan nilai-nilai murni dan akhlak yang baik akan membentuk hubungan yang kukuh dalam masyarakat, mencipta kestabilan, dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat. Belia yang menerima pendidikan nilai-nilai murni dan memiliki akhlak yang baik akan memiliki harga diri yang tinggi, integriti yang kuat, disiplin yang baik, dan tekad yang tinggi dalam mencapai kejayaan. Maklum balas daripada informan adalah seperti berikut:

“Apabila menyertai program seperti ini secara konsisten telah membentuk diri saya ke arah yang lebih baik seperti dalam aktiviti khidmat masyarakat kami sebenarnya dapat membentuk diri jadi lebih baik sebab kita laksanakan aktiviti secara bersama. Jadi dari situ, kami di ajar untuk tolong-menolong dalam apa jua aktiviti dan sentiasa ada sikap yang positif untuk jadi belia yang cemerlang di masa hadapan”  
(Informan 4 dan 18).

“Kita tau asas program Rakan Muda daripada awal 1994 yang kita dengar melalui promosi dan kempen di tv dan radio untuk menerapkan nilai-nilai murni kepada belia supaya jadi seorang yang lebih bertanggungjawab, berdikari dan berdisiplin. Oleh sebab itu, komponen aktiviti yang peserta wajib laksanakan dalam program ARP dah berjaya menerapkan nilai-nilai yang baik dalam diri saya terutamanya”  
(Informan 15).

## Rumusan

Secara keseluruhan, hasil kajian menunjukkan penggunaan media adalah satu medium yang terbaik bagi belia berkongsi maklumat mengenai kepentingan kesepaduan sosial. Perkembangan dalam teknologi media pada masa kini juga turut memberi impak kepada tingkah laku seseorang dan masyarakat. Kajian mendapati mesej yang disampaikan melalui media sosial merupakan salah satu cara terkini dalam menyebarkan dan menyampaikan maklumat kepada masyarakat. Ini menunjukkan media memberi impak baru kepada belia untuk turut terlibat dalam penyertaan pelbagai program baik di dalam negara dan luar negara.

Belia pada masa kini tidak terlepas daripada perubahan dan evolusi. Kemunculan teknologi dan media baharu telah membawa banyak manfaat kepada belia untuk mendapatkan maklumat, pendidikan, berinteraksi dan mewujudkan budaya celik ICT dalam kalangan belia. Dapatan kajian mendapati walaupun belia bersetuju bahawa aktiviti kemasyarakatan dapat meningkatkan kesepaduan sosial belia, mereka juga tidak menafikan penggunaan media sosial seperti Facebook, Twitter sangat membantu sebagai satu platform komunikasi yang penting untuk mempromosi dan menyampaikan mesej yang mampu mencapai kesepaduan sosial. Ini dapat dilakukan menerusi perkongsian aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang dilakukan secara fizikal oleh belia menggunakan media sosial serta penulisan mesej-mesej positif ke arah perpaduan sosial. Contohnya perkongsian aktiviti dan penulisan yang mempromosikan warisan, kebudayaan dan kesenian rakyat Malaysia. Ini secara tidak langsung membantu memupuk semangat perpaduan sosial di kalangan belia.

Media baharu perlu dimanfaatkan sepenuhnya untuk meningkatkan perpaduan di Malaysia, terutamanya di kalangan belia. Ini kerana belia adalah aset negara yang akan memegang peranan penting dalam kepemimpinan negara pada masa akan datang. Selain itu, masyarakat Malaysia yang terdiri dari pelbagai kaum, agama, latar belakang pendidikan, dan budaya telah memberikan cabaran kepada belia dalam menjaga keharmonian di antara pelbagai kumpulan. Namun, media baharu memiliki potensi untuk membangunkan hubungan yang kukuh di kalangan belia dari pelbagai latar belakang jika digunakan dengan bijak (Mohd & Mohd, 2013). Ia dapat memperkukuh perpaduan di kalangan belia di Malaysia. Keseluruhannya, sejajar dengan perkembangan teknologi, kesepaduan sosial ini telah mengubah belia menjadi dinamik dan sejahtera. Penyertaan pelbagai kaum dalam program-program pembangunan potensi diri telah mencipta interaksi sosial yang kuat antara individu dan masyarakat serta memupuk keharmonian di kalangan pelbagai etnik.

## Rujukan

- Andrew, F. T., Tahir, Z., Malek, J. A. & Yusof, A. R. Y. (2020). Ketagihan Penggunaan Media Sosial Terhadap Gaya Hidup Belia. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 17(9), 126-139.
- Bahari, A. (1995). *Pergerakan Belia: Persoalan dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.
- Browne, C., Codling, C., Musyoki, L., Page, R., & Russell, C. (2005). Community cohesion: Seven steps a practitioner's toolkit. *Home Office and Faiths Unit, UK*.
- Carron, A. V., & Brawley, L. R. (2012). Cohesion: Conceptual and Measurement Issues. *Small Group Research*, 43(6), 726-743. <https://doi.org/10.1177/1046496412468072>
- Dobson, M. C., & Gaunt, H. F. (2015). Musical and social communication in expert orchestral performance. *Psychology of Music*, 43(1), 24-42. <https://doi.org/10.1177/0305735613491998>

- Dollah, Sakke, Hassan, Omar, M. A. & Jafar, A. (2018). Peranan Belia dan PRU-14 di Sabah: Kajian Kes di P. 188 Silam. *Jurnal Kinabalu Edisi Khas*, 319-349.
- Endut, N. A., Amin, R. & Rahman, R. A. (2020). Kematangan Politik Dalam Kalangan Belia Di Malaysia. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020) – Dalam Talian*. 24 & 25 November 2020.
- Eys, M., Bruner, M. W., & Martin, L. J. (2019). The dynamic group environment in sport and exercise. *Psychology of Sport and Exercise*, 42(October 2018), 40–47. <https://doi.org/10.1016/j.psychsport.2018.11.001>
- Friedkin, N. E. (2004). Social cohesion. *Annual Review of Sociology*, 30, 409–425. <https://doi.org/10.1146/annurev.soc.30.012703.110625>
- Hamid, S. A. (2016). PENGARUH MEDIA MASSA TERHADAP PERUBAHAN SOSIAL MASYARAKAT (Mass Media Effect on Changes in Social Community). *E-Bangi*, 13(4), 2016. <https://www.proquest.com/openview/644ca4ce50c55135e47f85ff76bad0a3/1?pq-origsite=gscholar&cbl=616374>
- Hedayati Marzbali, M., Abdullah, A., Razak, N. A., & Maghsoodi Tilaki, M. J. (2014). Examining social cohesion and victimization in a Malaysian multiethnic neighborhood. *International Journal of Law, Crime and Justice*, 42(4), 384–405. <https://doi.org/10.1016/j.ijlcj.2014.03.001>
- Jane, Anna (2015) *Social Cohesion and belonging predict the well-being of community-dwelling older people*. US National Library of Medicine National Institutes of Health
- Janmaat 2011:61 & Anita Cloete (2014). *Social Cohesion and social capital: possible implications for the common good*. *Verbum Eccles*. (Online) vol.35 n.3 Pretoria
- Kamarudin, M. A., Kamal, M., Syakir, M., & Safar, J. (2019). Media Sosial dan Dakwah Menurut Islam. *Prosiding Seminar Saint Teknologi Dam Manusia 2019*, 1(1999), 131–142. <https://core.ac.uk/download/pdf/287744111.pdf>
- Kanesarajah, J., Waller, M., Zheng, W. Y., & Dobson, A. J. (2016). Factors associated with low unit cohesion in Australian defence force members who deployed to the middle east (2001–2009). *Journal of the Royal Army Medical Corps*, 162(5), 366–372. <https://doi.org/10.1136/jramc-2015-000484>
- Lave, J., & Wenger, E. (2006). *Situated Learning : Legitimate Peripheral Participation*. In *Cambridge University Press* (Vol. 1999, Issue December).
- Mickelson, R. A., & Nkomo, M. (2012). Integrated Schooling, Life Course Outcomes, and Social Cohesion in Multiethnic Democratic Societies. *Review of Research in Education*, 36(1), 197–238. <https://doi.org/10.3102/0091732X11422667>
- Mohd Mahadee Ismail, Azlina Abdullah, Nor Azlili Hassan dan Mohd Sabri Md Nor. (2020). Perkembangan Politik Era Malaysia Baharu: Pandangan Eksklusif Belia Terpelajar. *Akademika* 90(Isu Khas 1/Special Issue): 161- 174.
- Mohd, N., & Mohd, S. W. (2013). Peranan media baharu dalam memantapkan perpaduan belia: satu pemerhatian awal. *Journal of Business and Social Development*, 1(1), 74–82.
- Mustafa, M. Z., Kasmani, M. F., Mohamed Ariffin, M. Y., & Mohd Noor, K. (2020). Perhubungan Awam, Media Sosial, Etika Kerja Islam Serta Trend Penggunaan Media Sosial di Sektor Awam Kementerian di Malaysia. *‘Abqari Journal*, 22(2), 47–66. <https://doi.org/10.33102/abqari.vol22no2.322>
- Nasliza, N., Mohamad, A., & Hassim, M. N. (2023). *e-Journal of Media & Society Media Massa : Kesesuaian dan Keberkesanannya Dalam Membentuk Mass Media : Suitability and Efficacy in Shaping Youth 's Personality Towards Becoming Quality Human Capital*. 6(2), 15–25.
- Portal Maklumat Rakyat (2021). Sarawak Komunikasi Digital Penting untuk Perpaduan Rakyat. Diperolehi pada 12 Julai 2021 daripada (<https://pmr.penerangan.gov.my/>),

- Sahharon, H., Bolong, J., Omar, S. Z., & Idris, K. (2020). How Cohesive are You in Virtual Communities. *The International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 10, 233-252.
- Scarano-Pereira, J. P., Martinino, A., Manicone, F., Álvarez-García, C., Ortega-Donaire, L., Clavijo-Chamorro, M. Z., López-Medina, I. M., Álvarez-Nieto, C., & Sanz-Martos, S. (2023). Young nursing and medical students' knowledge and attitudes towards sexuality and contraception in two spanish universities: an inferential study. *BMC Medical Education*, 23(1), 1–9. <https://doi.org/10.1186/s12909-023-04255-8>
- Suhaimi, Safiah & Arshad, Rozita & Yeon, Asmah & Alias, Azhar & Ayub, Zainal. (2016). Penyertaan Belia dalam Pembuatan Keputusan Melahirkan Kemahiran Kepimpinan.
- Tamam, E., & Hashmi, M. (2016). Predicting interethnic bridging social capital in youth ethnic-diversity engagement: The role of interethnic interaction and intercultural sensitivity. *International Journal of Adolescence and Youth*, 21(1), 1–14. <https://doi.org/10.1080/02673843.2015.1024697>
- Tekleab, A. G., Karaca, A., Quigley, N. R., & Tsang, E. W. K. (2016). Re-examining the functional diversity-performance relationship: The roles of behavioral integration, team cohesion, and team learning. *Journal of Business Research*, 69(9), 3500–3507. <https://doi.org/10.1016/j.jbusres.2016.01.036>
- Utami, P. P., Matin, M., & Sutjipto, S. (2019). *Analysis of the Effect of Group Cohesiveness on Teacher Productivity in a State High School*. <https://doi.org/10.4108/eai.21-11-2018.2282206>
- Utusan Malaysia (2021). Dasar Perpaduan Negara tepat ketika negara dalam transisi komuniti digital. Diperolehi pada 16 Februari 2021 daripada <https://www.kkmm.gov.my/en/public/news/18632-bernama-16-feb-2021-dasar-perpaduan-negara-tepat-ketika-negara-dalam-transisi-komuniti-digital>
- Yacob, Y., Ibrani, M., Adam, S., Hidayu, N., & Jusoh, M. (2020). Level of Social Cohesion of Malaysian Youths As a Community of Practice in a Youth Development Program. *E-Bangi*, 17(8), 69–83.
- Zainal, N. A., Salleh, M. A. M., & Mahmud, W. A. W. (2021). Patriotism Spirit Using New Media Among Youth in Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 37(4), 177–198. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2021-3704-11>
- Zulkifli, N., Omar, S. K., Johari, N. F., Hassan, M. S., & Rosman, M. R. M. (2021). Pengaruh media baru dan penglibatan politik belia. *Advances in Humanities and Contemporary Studies*, 2(2), 63-77.